

07 JUL 2001

BN-Konvensyen

PERDANA MENTERI RASMI KONVENSYEN BN DI PWTC

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi ini merasmikan Konvensyen Barisan Nasional (BN) yang bertemakan "BN Tunggak Keutuhan Negara" di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Ketibaan Dr Mahathir disambut oleh Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan pemimpin parti-parti komponen BN.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa diikuti acara menaikkan bendera BN yang berlambangkan dacing dengan diiringi lagu BN.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN akan menyampaikan ucap-tama yang antara lain menyentuh mengenai hala tuju dan peranan baru BN untuk rakyat dan negara, pada konvensyen sehari itu.

Semua presiden parti-parti komponen BN akan membahaskan ucap-tama itu dan Dr Mahathir akan menggulung perbahasan di akhir konvensyen petang ini.

Dr Mahathir juga akan melancarkan buku bertajuk "Balancing Communal Rights" (Mengimbangkan Hak Antara Kaum) bagi menjelaskan dasar-dasar parti pemerintah itu.

Selain buku, Dr Mahathir akan turut melancarkan video mengenai sejarah BN sejak pembentukannya pada tahun 1974. BN pada awalnya dikenali sebagai Parti Perikatan dan mula berkuasa sebelum Merdeka lagi.

BN telah diberikan kepercayaan oleh rakyat sejak 10 pilihan raya umum lepas untuk memerintah negara.

Konvensyen hari ini yang dihadiri oleh lebih 5,000 pemimpin dan anggota parti-parti komponen BN dari seluruh negara diakhiri akan diakhir dengan lagu Negaraku.

Walaupun kali terakhir Konvensyen seumpama itu diadakan pada 1995 tetapi BN mengadakan acara dalam bentuk lain seperti sambutan ulang tahun penubuhannya.

BN yang ditunjangi Umno sebelum ini mempunyai 14 parti komponen tetapi angka itu berkurang kepada 13 selepas Angkatan Keadilan Rakyat Bersatu (Akar) dibubarkan baru-baru ini.

Selain daripada Umno, parti komponen lain dalam BN ialah MCA, MIC, Gerakan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Parti Maju Sabah (SAPP), Parti Liberal Demokratik (LDP), Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Bersatu (UPKO), Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Bansa Dayak Sarawak (PBDS), Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) dan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB).

-- BERNAMA

ZAI RV DC PR